

02/01/2002

Budaya kaum disatukan melalui ExpoMuzik

Akmal Abdullah

EXPOMUZIK 2001 yang berlangsung di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur selama tiga hari dan berakhir Ahad lalu menjadi medan terbaik untuk menggabungkan semua peminat, pencinta dan penggiat muzik dalam tiga bidang utama.

Ia bukan saja membina jalinan mesra antara kelompok yang setia kepada kegiatan muzik iaitu dalam industri hiburan, pendidikan dan perniagaan, malahan membuka ruang kepada ramai peminat muzik untuk mendapat lebih pendedahan.

Ekspo itu juga berjaya menyediakan saluran bagi syarikat perniagaan peralatan muzik dan produk berkaitan muzik untuk mempamer dan mempromosikan produk terbaru kepada pencinta seni.

ExpoMuzik 2001 sebagai usaha memperlengkap Festival Muzik Kuala Lumpur 2001 yang berlangsung selama dua bulan (November-Disember). Ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 27 Disember lalu.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Penaung Pesta Muzik Kuala Lumpur 2001.

Ekspo bertemakan Raikan muzik, bunyi dan harmoni itu juga mencatat sejarah membanggakan kerana berjaya mengumpul 85 pemain piano yang mengadakan persembahan serentak mengalunkan lagu Selamat Hari Jadi khas buat Perdana Menteri sempena ulang tahun ke-76 pada 20 Disember lalu.

Justeru, persembahan kumpulan piano itu mencatat rekod sebagai jumlah penyertaan terbanyak dalam satu persembahan membabitkan pemain piano dan diiktiraf Malaysia Book of Record's.

Ia anjuran Camerata dell'Arte Kuala Lumpur, iaitu kumpulan Rakan Seni Muzikal di Lembah Klang yang terdiri di kalangan guru, pelajar, ibu bapa, profesional dan ahli perniagaan yang berkongsi minat dan kegemaran terhadap muzik.

Ia bertujuan memupuk dan mempromosikan persembahan seni muzik di negara ini secara lebih meluas dan berkesan, sekali gus ekspo itu mampu diperluaskan ke peringkat serantau atau antarabangsa untuk masa depan.

Selain pameran, ekspo itu turut mengadakan pertandingan pelbagai kategori seperti klasik, pop, jazz, etnik tradisional yang terbuka kepada orang ramai, selain membabitkan alat muzik seperti piano, violin, biola, cello, woodwind, brass, gitar dan harmonika.

Ia dibuka selama tiga hari dari jam 9 pagi hingga 10 malam. Ternyata, ekspo itu mampu menarik perhatian ramai pengunjung terutamanya anak muda yang mahu menimba pengetahuan lebih mendalam mengenai dunia muzik. Pameran itu membabitkan 22 pemamer di kalangan syarikat dan persatuan muzik.

Sementara itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, muzik boleh dijadikan alat bagi mencapai perpaduan rakyat di negara ini kerana ia adalah seni warisan budaya yang boleh dikongsi pelbagai kaum.

Katanya, hubungan semua kaum di Malaysia boleh dirapatkan menerusi penganjuran festival muzik kerana ia menjadi perantara budaya yang berkesan, selain warisan budaya yang dikongsi bersama.

"Saya mesti tekankan bahawa jika Malaysia memiliki dewan konsert dan kemudahan terbaik di dunia bagi mempromosikan persembahan sekalipun, ia tidak bermakna jika negara tidak mempunyai atau tidak mampu melahirkan pemuzik bertaraf dunia untuk membuat persembahan di tempat itu.

"Latihan yang sesuai dan pembangunan pemuzik tempatan bertaraf dunia juga membolehkan negara menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara kebudayaan bertaraf dunia, sekali gus menarik pencinta muzik dan pelancong

luar," kata Dr Mahathir.

(END)